

# *Lembing Awang Pulang Ke Dayang* (filem)

*Lembing Awang Pulang Ke Dayang* merupakan sebuah filem hikayat cereka. Filem ini telah ditayangkan pada 22 Oktober 2009. Filem ini unik kerana berasaskan sebuah buku tulisan Cikgu Shaharom Husain yang merupakan seorang ahli sasterawan terkenal dan juga pakar sejarah negeri Johor. Kisah asal Lembing Awang Pulang Ke Dayang adalah sebuah legenda negeri Johor dan ia di katakan benar-benar terjadi pada tahun 1776 di kawasan yang kini didirikan Parit Raja, Muar.

Dikatakan bahawa seperti kebanyakan legenda tragedi lain, kisah ini ada sumpahannya yang tersendiri. Sebelum filem ini di buat oleh penerbit, dikatakan bahawa telah terdapat usaha untuk menghidupkan kembali kisah ini melalui teater dan drama TV. Semua usaha-usaha ini banyak menghadapi masalah, drama TV tersebut dikatakan sampai kini belum ditayangkan. Filem ini juga dikatakan menempuhi banyak halangan dan tertangguh beberapa kali.

## Isi kandungan

Sinopsis

Lakonan


Rujukan

Pautan luar

## Sinopsis

Filem ini diilhamkan daripada kisah 'Lembing Awang Pulang Ke Dayang' yang merupakan sebuah hikayat di hujung kurun ke-18 yang berlaku di Johor. Ia mengisahkan pengembaraan Awang selama tiga tahun bagi menyempurnakan adat untuk mengahwini kekasih hatinya. Dalam pengembaraan Awang, dia mula memahami erti hidup dan mempelajari sejarah kebesaran keluarganya. Dia juga bertemu beberapa watak di mana dia mampu menimba ilmu, menjalin persahabatan dan menerima penghormatan. Sepeninggalan Awang, hati tunangnya Dayang cuba dicuri oleh Bachok dengan bantuan guru silatnya, Panglima Merah, bekas ketua lanun yang amat

### *Lembing Awang Pulang Ke Dayang*



<b>Pengarah</b>	Majed Salleh
<b>Penerbit</b>	Baba Alsharafudin Bin Mohamed N Azman
<b>Penulis</b>	Shahroom Husain
<b>Dibintangi oleh</b>	<u>Farid Kamil</u> <u>Siti Elizad</u> <u>Kuswadinata</u> <u>Mustapha Maarof</u> <u>Hattan</u> <u>Aziz M. Osman</u> <u>Uji Rashid</u> <u>M. Rajoli</u>
<b>Muzik oleh</b>	Mazley Ukays
<b>Pengedar</b>	Grand Brilliance
<b>Negara</b>	<span><span><span></span></span><span> </span></span> Malaysia
<b>Bahasa</b>	<u>Bahasa Melayu</u>


Rujukan Sinema Malaysia (<http://www.sinema-malaysia.com.my/main/index.php?mod=film&p=info&id=126>)

digeruni di perairan laut Melaka. Setelah menempuh pelbagai dugaan dan cabaran, Awang dianugerahkan dengan dua bilah lembing pusaka bernama Lembing Laki dan Lembing Bini. Pelayaran Awang membawanya ke pelabuhan Makasar di mana peluang memenuhi cita-citanya tersedia. Adakah cintanya masih setia bila digoda wanita Belanda? Di kota Goa, dapatkah dia menemui citra keturunannya? Hikayat ini terkenal kerana peristiwa berdarah yang meragut 99 nyawa. Saksikan kesudahan filem ini - adakah tragedi ini padah akibat adat janji yang dimungkir atau angkara nafsu dendam yang tersimpan?

## Lakonan

---

- Farid Kamil - Awang (Pelakon Utama)
- Siti Elizad - Dayang (Pelakon Utama)
- Zul Huzaimy - Bachuk (Pelakon Utama)
- Lynette Ludi - Claudia (Pelakon Utama)
- Hattan : Panglima Merah (Pelakon Pembantu)
- Aziz M.Osman - Dekar Agas & Raja Muda Bugis (Pelakon Pembantu)
- Kuswadinata - Pak Long (Pelakon Pembantu)
- Uji Rashid - Mak Long (Pelakon Pembantu)
- Dato' Mustapha Maarof - Pak Ngah (Pelakon Pembantu)
- Khair Rahman - Nakhoda Galigor (Pelakon Pembantu)
- Datin Hajah Rosnani Jamil : Mak Ngah (Pelakon Pembantu)
- M. Rajoli - Orang Kaya Aris (Pelakon Pembantu)
- Zainuridin Ismail - Tok Beta (Pelakon Pembantu)
- Tamrin Ibrahim Pendek - Pndek (Pelakon Pembantu)



Kuswadinata melakonkan watak Pak Long di dalam filem ini.

## Rujukan

---

1. TAYANGAN FILEM CEREKA TEMPATAN 2009 (<http://www.fin.as.gov.my/index.php?mod=industry&sub=cereka>), Finas.gov.my
2. <http://www.fin.as.gov.my/index.php?mod=industry&sub=cereka&p=Filem2009>

## Pautan luar

---

- *Lembing Awang Pulang ke Dayang* di Sinema Malaysia ([http://www.sinemamalaysia.com.my/film/info/?id=Lembing\\_Awang\\_Pulang\\_Ke\\_Dayang\\_126](http://www.sinemamalaysia.com.my/film/info/?id=Lembing_Awang_Pulang_Ke_Dayang_126))
- *Lembing Awang Pulang ke Dayang* di Facebook (<https://www.facebook.com/pages/Lembing-Awang-Pulang-Ke-Dayang/102735370734>)

---

Diambil daripada "[https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Lembing\\_Awang\\_Pulang\\_Ke\\_Dayang\\_\(filem\)&oldid=4569163](https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Lembing_Awang_Pulang_Ke_Dayang_(filem)&oldid=4569163)"

---

Laman ini kali terakhir disunting pada 19:12, 22 April 2019.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.